



PRESS RELEASE

For Immediate Release

Great Eastern Takaful Imarahkan Ramadan dengan Inisiatif Pemeriksaan Masyarakat *Perkongasian rezeki memberikan pengalaman Ramadan lebih bermakna kepada golongan yang kurang bernasib baik.*

8 April 2024, Kuala Lumpur - Great Eastern Takaful Berhad (GETB), sebuah pengendali takaful keluarga membuktikan komitmennya dalam membantu masyarakat yang memerlukan melalui Program GREAT Ramadan yang dijalankan sepanjang bulan yang mulia ini. Menerusi inisiatif ini, Great Eastern Takaful telah menganjurkan aktiviti kemasyarakatan serta memperkasakan komuniti terutamanya segmen isi rumah pendapatan rendah.

Berhasrat untuk berkongsi rezeki bersama kanak-kanak yang kurang bernasib baik, Great Eastern Takaful bekerjasama dengan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) untuk memberi kegembiraan dan membantu persiapan Aidilfitri bagi dua rumah kebajikan terpilih, iaitu Pusat Jagaan Kasih Murni dan Pusat Jagaan Telaga Kasih Nur Muhammad. Satu program membeli-belah kelengkapan Raya yang amat bermakna telah dianjurkan kepada hampir 70 anak yatim dan asnaf yang turut dihadiri oleh 33 sukarelawan dari Great Eastern Takaful. Usaha kolektif ini memberikan pengalaman yang bernilai bagi kanak-kanak di mana mereka diberi peluang untuk membeli pakaian Raya serba baharu dalam suasana kekeluargaan.

Ketika berlangsungnya program tersebut, En. Shahrul Azlan Shahrman, Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful berkata, "Ramadan merupakan peluang untuk kita membuat amal kebajikan, menjadi lebih cakna dan prihatin terhadap mereka yang menghadapi cabaran hidup, serta memupuk semangat kebersamaan di kalangan kita semua. Di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat kami; GET-Care, Program GREAT Ramadan ini merupakan usaha jangka panjang kami untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat yang dibantu. Hari ini, kami dengan rendah hati memberikan sokongan kepada mereka dan momen yang paling bermakna adalah apabila kami dapat melihat senyuman pada wajah kanak-kanak yang disantuni. Kami juga telah melancarkan kutipan dana untuk membantu dua rumah kebajikan ini dengan memberikan sumbangan dalam bentuk barangan keperluan dan semoga usaha ini dapat membantu persediaan mereka untuk menyambut Syawal."

Selain itu, Great Eastern Takaful turut menganjurkan majlis berbuka puasa untuk 100 kanak-kanak dan penjaga daripada Kumpulan Ibu Bapa dan Sokongan Anak-anak Kanser (KIDS) di Temu Jelatek. Inisiatif ini melambangkan keperihatinan Great Eastern Takaful dalam menyantuni kanak-kanak yang menghidap kanser serta keluarga mereka dalam majlis yang mencipta seribu kenangan ini. Great Eastern Takaful berharap agar aktiviti

sebegini dapat meningkatkan nilai positif serta memberikan sokongan terbaik dalam menempuhi proses pemulihan mereka.

"Di Great Eastern Takaful, kami percaya kepada sokongan yang kukuh serta pemerkasaan masyarakat. Melihatkan kanak-kanak yang diraikan ini berkongsi pengalaman hidup mereka dalam perjuangan melawan kanser telah memberikan kami lebih inspirasi untuk menyumbangkan lebih lagi dalam apa jua cara sekalipun. Kami akan terus meningkatkan nilai optimis serta perpaduan melalui aktiviti-aktiviti yang bermakna seperti ini, demi memperkasakan kehidupan masyarakat supaya mereka dapat mencapai kejayaan bersama-sama dengan kami," tambahnya.

Selain itu, di bawah inisiatif GET-Pintar, Great Eastern Takaful telah menganjurkan program Kembali ke Sekolah dalam menyediakan bantuan kelengkapan pembelajaran kepada 100 orang pelajar daripada segmen komuniti miskin dan miskin tegar di SK Taman Kosas, Ampang. Memastikan bahawa pelajar-pelajar ini mempunyai kelengkapan yang mencukupi untuk memulakan tahun baharu persekolahan mereka, kelengkapan sekolah penting seperti pakaian seragam, kasut, tudung, dan beg sekolah telah disediakan dan disalurkan melalui satu majlis penyerahan yang bertempat di sekolah mereka.

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelastarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah "Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022" oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai "Most Valuable Brand – Takaful Solutions" oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, "Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik" oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Great Eastern Takful juga dinamakan sebagai Majikan Terbaik oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterntakaful.com.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel : 016 - 209 234

E-mel : MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com